

Adaptasi AI dalam kerajaan

Langkah dapat permudah urusan pelabur berminat melabur dalam negara

Putrajaya

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan mengenai pendigitalan dan pengadaptasian kecerdasan buatan (AI) di dalam kerajaan semasa mesyuarat Kabinet, hari ini.

Beliau berkata, ia adalah selari dengan komitmen kerajaan yang telah dipersejuti secara dasar, secara tidak langsung juga memudahkan urusan para pelabur yang berminat untuk melabur di Malaysia.

"Kita sudah setuju pada dasar. Esok dalam mesyuarat kabinet saya akan perkukuhkan...masih ada kadang-kadang keengganan atau pun kekusaran jabatan-jabatan kerana hendak *control server* masing-masing.

sing.

"Itu pemikiran tahun 1980-an. Kita mesti jelaskan kepada mereka dan saya jelaskan juga kepada Microsoft, Google, kita akan perluaskan melainkannya (yang melibatkan) isu-isu keselamatan khusus. *National security* itu dikecualikan yang lain itu mesti (mengalami perubahan)," katanya ketika berucap pada perhimpunan bersama warga Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengadakan perjumpaan dengan beberapa syarikat besar di dunia dan terkini dengan Microsoft yang sudah mengemukakan pelaburannya di sini.

Nilai pelaburan yang dibuat itu besar dan bukan sahaja yang telah diumumkan.



PENJAWAT awam melihat buku Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 pada majlis peluncuran NACS 2024-2028 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

PELABURAN SAUDI ARAMCO

Bertemu Petronas dulu

Putrajaya: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan bertemu dengan Petrolia Nasional Berhad (Petronas) minggu ini untuk membincangkan mengenai projek syarikat minyak negara dengan Saudi Aramco di Kompleks Bersepadu Pengerang, Johor.

"Saya akan bincangkan dengan Petronas dalam masa satu-dua hari ini kerana ada tiga perkara pokok, dua sudah selesai...satu ada masalah sedikit yang harus kita putus di peringkat kerajaan," katanya.

Oktober lalu, Anwar berkata, Saudi Aramco komited perluaskan fasilitinya di Kompleks Bersepadu Pengerang, Johor dengan menambah aktiviti aliran petrokimia dan gas supaya ia menjadi hab terbesar di Asia Tenggara.

Saudi Aramco ialah salah satu daripada syarikat tenaga dan kimia bersepadu terbesar di dunia.

kan, tetapi juga hal-hal lain yang dirunding secara terperinci antaranya soal latihan, kerjasama dengan universiti dan pusat penyelidikan, katanya.

"Semalam saya bermesyuarat dengan Google. Walaupun secara dalam talian tetapi ada komitmen mereka dan mereka berada dalam semangat yang sama.

"Dengan syarikat ACWA pula, syarikat gergasi tenaga yang bukan sahaja besar di Arab Saudi, tetapi di dunia. Saya berbincang panjang bersama Kementerian yang lain dan ia mahukan beberapa kepastian dari

saya mengenai *third party* access dan *on cloud computing*," katanya.

Menerusi hantarannya di Facebook, Anwar kelmarin berkata, beliau sudah mengadakan persidangan secara maya bersama Presiden dan Ketua Pegawai Pelaburan Alphabet dan Google, Ruth Porat.

Pada sesi tersebut, Ruth memaklumkan kemajuan rangka tindakan bidang yang boleh diperluaskan pihaknya di Malaysia berdasarkan penerangan sebelum ini oleh Perdana Menteri mengenai misi dan tumpuan kerajaan Malaysia.